



NORSAFINI JAFAR

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan lulusan Diploma dan Ijazah pengkhususan dalam Tarian Klasik Melayu (Joget Gamelan) di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), dan Ijazah Sarjana Pengajian Melayu di Universiti Malaya (UM).

PENCAPAIAN

Beliau telah membuat persembahan di beberapa Festival Tarian Antarabangsa seperti di Beijing, Vietnam, Sweden, dan Singapura sebagai penari. Sebagai Koreografer pula, beliau pernah memenangi beberapa anugerah seperti Juara Tarian Kreasi Baru dalam Pertandingan Festival Tarian 2013 yang bertajuk Sedarah Seteru, dan *Outstanding Contribution Award* dalam *Short and Sweet 2014* karya Ratu. Sebagai seorang ilmuwan muda, beliau telah membentangkan dan menulis artikel hasil dari penyelidikan beliau dalam *International Conference of Culture and Creativity* di Taiwan pada tahun 2014.

Beliau turut menjalankan penyelidikan di dalam Analisis Tarian Klasik Melayu iaitu Joget Gamelan dan Gendang Terinai.

Beliau juga telah menghasilkan beberapa penerbitan seperti *Creative Reinvention of Joget Gamelan in Malaysia*, penulisan bersama Rahmah Bujang dan disunting oleh Ding-Bang LUH serta diterbitkan oleh *International Journal of Cultural and Creative*

Industries (p. 32-39), Taiwan: *Institute of Creative Industries Design*. Selain itu, beliau turut menghasilkan penulisan berjudul *Reinvensi Joget Gamelan di Malaysia* dan disunting oleh Mohd Anwar Rethwan serta diterbitkan oleh ASWARA.

Beliau merupakan Dekan dan Pensyarah di Fakulti Tari ASWARA.